

Berpindah elak kehilangan tempat tinggal, harta benda

KUALA TERENGGANU 26 Jan. - Penempatan penduduk di pinggir pantai yang terdedah dengan masalah hakisan ombak di Kuala Nerus perlu dipindahkan ke kawasan baharu.

Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Datuk Dr. Nor Aieni Mokhtar berpendapat, usaha itu perlu dilakukan agar mereka tidak lagi berada dalam kebimbangan kehilangan tempat tinggal dan harta benda.

"Hampir setiap tahun keadaan ini berulang dan jika kita tidak sanggup lagi melihat semua ini, perpindahan ke kawasan baharu sangat tepat sebagai penyelesaian jangka panjang.

"Bagi penyelesaian jangka masa pendek pula, kita masih boleh berikhtiar melakukan sesuatu, misalnya 'lapis lindung' yang mampu menyelamatkan harta benda penduduk di kawasan ini," katanya kepada pemberita selepas meninjau kesan air pasang besar di Kampung

Tanjung Gelam, di sini hari ini.

Fenomena air pasang dan ombak kuat setinggi 2.5 meter malam tadi turut melanda UMT mengakibatkan beberapa kerosakan di sekitar kampus universiti itu.

Nor Aieni memberitahu, air pasang yang berlaku kali ini turut menyebabkan kawasan kolej kediaman pelajar digenangi air dan menjadi kawasan hakisan baharu.

"Kita dapati fenomena pada tahun ini juga ada hikmahnya kerana membawa semula pasir ke kawasan hakisan sebelum ini iaitu di sekitar bangunan Institut Akuakultur Tropika (Akuatrop) dan Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS)," ujarnya.

Menurut beliau, persediaan awal termasuk pembinaan benteng di kawasan itu berjaya menghalang hakisan yang lebih teruk dan semua kejadian ini akan membuka ruang kajian yang lebih dinamik buat UMT terutama berkaitan kejuruteraan pantai.